



KENYATAAN MEDIA

PROSEDUR PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN

Merujuk kepada liputan isu bayaran balik yang dilaporkan di dalam sebuah akhbar tabloid berbahasa Inggeris tempatan (*The Star*) hari ini bertajuk “Taxpayers cry foul over delay”, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menjelaskan berkenaan prosedur pembayaran balik.

Sebelum tahun 2007, dasar bayaran balik LHDNM memerlukan LHDNM mengambil tindakan untuk membangkitkan taksiran tahun-tahun kebelakangan berhubung pendapatan tahun-tahun lepas yang diterima di dalam tahun semasa seperti tunggakan gaji, bonus, komisen dan seumpamanya. Dasar ini telah mengakibatkan kelewatan dalam memproses bayaran balik.

Dalam tahun 2007 LHDNM telah meminda dasar bayaran balik dengan pendekatan untuk membayar dahulu bayaran balik ke atas cukai terlebih bayar dalam tahun semasa. Sebarang taksiran terdahulu yang perlu dibangkitkan berhubung pendapatan yang diterima bagi tahun-tahun lepas akan dibangkitkan kemudian selepas urusan bayaran balik tahun semasa selesai dilakukan.

Terdapat juga kes-kes yang disenaraikan sebagai bayaran balik adalah sebenarnya **bukan bayaran balik** akibat kesilapan pembayar cukai mengisi dan menuntut pelepasan-pelepasan cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka.

Pembayar cukai yang terlibat di dalam laporan akhbar tersebut adalah di nasihatkan untuk menghubungi Pegawai-pegawai Perhubungan Awam LHDNM di seluruh negara atau menghubungi talian hotline LHDNM di 03-6203 1380 untuk sebarang penjelasan lanjut berkenaan dengan bayaran balik dan notis taksiran tambahan yang mereka terima. Maklumat pegawai perhubungan awam LHDNM boleh diakses melalui laman web rasmi www.hasil.gov.my.

LHDNM merakamkan penghargaan dan sangat mengalu-alukan sebarang maklumbalas daripada pembayar cukai dalam usaha kami meningkatkan sistem penyampaian kepada Pelanggan.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	08 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my